

12 OCT 2001

Mahathir-Serangan

AMERIKA PERLU HENTI SERANG AFGHANISTAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Amerika Syarikat perlu menghentikan serangan di Afghanistan yang memasuki hari keenam.

Perdana Menteri yang ditanya wartawan sama ada Amerika harus menghentikan serangan itu berkata: "Ya, sudah pasti. Kita tidak setuju dengan serangan seperti itu kerana ia tidak akan membantu dalam membanteras keganasan."

Dr Mahathir yang ditemui oleh pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Seri Kembangan di sini juga berkata tindakan Amerika mengebom Afghanistan boleh menyebabkan ramai yang tidak berdosa terbunuh dan bukannya penganas.

"Harus dinyatakan di sini yang penganas yang didakwa oleh Amerika itu bukan pun warga Afghan".

Amerika menyerang Afghanistan untuk melumpuhkan puak Taliban yang dituduh melindungi Osama bin Laden yang disyaki mendalangi serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York dan bangunan Jabatan Pertahanan Amerika, Pentagon, di Washington pada 11 Sept lepas.

Puak Taliban pula semalam melaporkan yang bilangan orang yang terbunuh dalam serangan sejak Ahad lepas telah meningkat ke 220 orang.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan meminta Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) supaya mengadakan persidangan khas untuk bincang dan takrifkan keganasan.

"Kita akan mengutus surat kepada Setiausaha Agung PBB, Koffi Annan, meminta beliau mengadakan satu persidangan mengenai keganasan dan ia sangat penting sekarang kerana terdapat banyak kekeliruan mengenai hal itu.

"Ada orang yang berjuang bagi kemerdekaan mereka juga dicap sebagai penganas. Juga apa yang mereka boleh melakukan dan tidak boleh melakukan perlu ditentukan.

"Walaupun semasa peperangan kita tidak dibenarkan menggunakan gas beracun untuk melawan musuh. Seheinggakan mereka yang berjuang untuk kemerdekaan ada perkara yang mereka tidak boleh lakukan dan antaranya ialah membunuh orang yang tidak bersalah," kata beliau.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai pendirian Malaysia berhubung bukti-bukti yang dikemukakan oleh Amerika dan pergerakan Al-Qaeda.

"Tetapi, bukti itu tidak spesifik. Ia menunjukkan perkara-perkara tertentu tetapi tiada apa yang kita boleh buat. Tiada peranan bagi Malaysia," katanya.

Kepada satu lagi soalan, Perdana Menteri berkata beliau menjangkakan negara-negara Islam muncul lebih kuat lagi daripada tanggapan salah terhadap Islam dan keganasan pada masa ini.

Dengan peredaran masa, beliau berkata: "Akan dapat ditunjukkan yang bukan sahaja orang Islam yang penganas. Yang lain juga penganas. Masalah kita sekarang ialah segmen tertentu media dunia hanya menumpukan pada keganasan yang dikaitkan dengan orang Islam dan bukan keganasan orang lain.

Mengenai satu lagi perkara, beliau berkata OIC telah menunjukkan respons dengan baik semasa krisis sekarang ini dan bersatu padu dalam pendirinya terhadap serangan Amerika di Afganistan.

Sementara itu, Setiausaha Agung Pertubuhan Pelancongan Dunia Francesco Frangialli berkata serangan pada 11 Sept di Amerika menyebabkan tempahan tiket penerbangan di seluruh dunia jatuh 20-30 peratus.

Malangnya, negara-negara utara Afrika dan Asia Tenggara paling teruk

terjejas, khususnya jika ia negara Islam.

Ini tidak adil kerana negara-negara ini selamat, katanya.

Frangialli berkata satu mesyuarat Pasaran Pengembaraan Dunia akan diadakan di London dalam beberapa minggu ini untuk menghantar mesej ke dunia bahawa adalah selamat untuk mengembara sekarang.

-- BERNAMA

NM MAD PR